

▼02/06/14-39MST

CNS1038

U GB 02-06 00165 BA180

aab

Mahathir, - Piagam (Bergambar)

TUNAIKAN JANJIT DALAM PIAGAM PELANGGAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Semua agensi dan jabatan kerajaan perlu menunaikan janji yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan masing-masing bagi memberi keyakinan dan kepercayaan kepada orang ramai, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika membuat gesaan itu, Perdana Menteri berkata usaha itu amat penting bagi mengelakkan janji-janji yang dibuat hanya menjadi slogan yang akhirnya menyebabkan orang awam hilang kepercayaan kepada keikhlasan dan kecekapan jabatan kerajaan.

Berucap merasmikan Kompleks Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di sini hari ini, beliau berkata perkara itu perlu diberi penekanan kerana tugas anggota Perkhidmatan Awam amat penting dan mempunyai kesan terhadap masyarakat.

"Dalam konteks ini, anggota Perkhidmatan Awam perlu mendahulukan kepentingan awam daripada kepentingan diri dan melaksanakan tugas dengan jujur, adil, bertanggungjawab dan cekap."

Di samping itu, katanya, perlu wujud sikap akauntabiliti di kalangan anggota Perkhidmatan Awam dalam semua tindakan bagi menjaga kredibilitinya sebagai jentera kerajaan. -- lagi

▼02/06/13-08MST

U GB 02-06 00149 BA181

aab

Mahathir - Piagam 2 Kuala Lumpur

Ini kerana mereka bertanggungjawab menangani masalah dan urusan hidup masyarakat serta menterjemah dan melaksanakan segala dasar dan pendekatan bagi memudahkan pertumbuhan ekonomi, menguatkuasakan undang-undang dan mewujudkan suasana yang menyumbang kepada keamanan dan perpaduan negara, katanya.

Dr Mahathir lalu mengingatkan anggota Perkhidmatan Awam bahawa mereka perlu peka dengan perubahan yang berlaku termasuk jenis pelanggan, pekerja, sektor swasta dan juga sistem maklumat.

"Pelanggan-pelanggan Perkhidmatan Awam kini lebih terpelajar dan mempunyai pengharapan yang lebih tinggi terhadap kualiti, kecekapan dan keberkesanan khidmat yang diberikan."

Beliau berkata pelanggan masa kini sedar akan hak mereka untuk mendapatkan layanan yang lebih adil dan munasabah, termasuk masa yang diperlukan bagi sesuatu urusan.

Dalam hal ini Perdana Menteri berkata Perkhidmatan Awam masih mempunyai peranan penting dalam pembangunan negara walaupun tugas sebagai jentera pertumbuhan telah diambil alih oleh sektor swasta. -- lagi

▼02/06/13-24MST

CNS1058

U GB 02-06 00168 BA184

aab

Mahathir - Piagam 3 Kuala Lumpur

Katanya, Perkhidmatan Awam kini bertindak sebagai penyelaras dan pemudahcara dalam beberapa perkara termasuk menyokong dan menyelia sektor swasta, menyediakan jentera pengurusan pembangunan, sokongan infrastruktur sosial dan fizikal serta menjadi penyebar dana dan menjadi penghubung antara pelbagai pihak.

Sebagai usaha meningkatkan lagi perkhidmatan, Dr Mahathir menekankan pentingnya kesinambungan dalam menjalankan sebarang perubahan dan mencadangkan konsep "Kaizen" dari Jepun dijadikan sebahagian daripada budaya kerja.

Ini kerana melalui konsep "Kaizen", yang bermaksud penyempurnaan dan peningkatan prestasi sepanjang masa, industri Jepun mampu menghasilkan barangan yang semakin baik sehingga mengatasi hasil negara-negara lain.

"Kita tidak perlu menunggu lima atau 10 tahun untuk membuat perubahan selepas perubahan terakhir diperkenalkan. Setiap anggota Perkhidmatan Awam patutlah sentiasa berfikir dan merancang untuk memperbaiki kaedah kerja dan perkhidmatannya."

Menyentuh mengenai pelbagai cabaran bagi Perkhidmatan Awam masa kini, Dr Mahathir berkata pegawai-pegawai ke persidangan antarabangsa perlu berani menyuarakan pendirian Malaysia dengan jelas dan lantang bagi menegakkan maruah dan kepentingan negara. -- Lagi

▼02/06/13-40MST

U GR 02-06 00172 BH305

AAB

Mahathir - Piagam 4 Kuala Lumpur

Ini kerana Malaysia berada di persimpangan yang kritikal memandangkan negara-negara Islam kini menjadi sasaran dalam kancas politik dunia serta perhatian yang lebih ketara yang diberikan terhadap negara Pesisir Pasifik akibat pertumbuhan ekonomi yang bergitu pesat, katanya.

Bagi meningkatkan lagi keupayaan kakitangan, Dr Mahathir mahu semua ketua jabatan menerapkan semangat perkhidmatan penyayang sesuai dengan konsep masyarakat penyayang dengan memberi perhatian kepada masalah yang dibangkitkan pekerja di bawah mereka dan kesatuan sekerja.

Sikap memandang berat ketua jabatan akan menimbulkan rasa puas hati di kalangan kakitangan dan ini sekali gus boleh meningkat produktiviti, kata beliau.

Di samping itu juga Perdana Menteri turut memberi keutamaan kepada latihan kakitangan, terutama mengenai sikap terhadap kerja dengan merangka kurikulum yang dapat memenuhi keperluan semasa dan akan datang selain daripada menggalakkan tabiat suka membaca.

Mengenai bangunan baru berharga RM70 juta itu, beliau menyifatkannya sebagai bermulanya satu era baru bagi sejarah JPA kerana kini dapat menempatkan semua bahagiannya di bawah satu bumbung. -- Lagi.

▼02/06/14-28MST

U GB 02-06 00151 BH306

AAB

Mahathir - Piagam 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) kerana berjaya mengetengahkan satu rekabentuk yang menarik dan berbeza dengan bangunan-bangunan kerajaan lain yang menjadikan kotak rokok sebagai model.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian Dr Mahathir berkata, kerajaan kini mampu mengeluarkan belanja lebih sedikit untuk membina bangunan seumpama itu hasil ekonomi yang meningkat.

Katanya, rekabentuk bangunan-bangunan kerajaan pada masa depan akan mempunyai ciri kebudayaan negara supaya berbeza daripada yang terdapat di negara-negara lain kerana "kita perlu ada identiti sendiri."

Semasa ditanya mengenai konsep Kaizen, beliau berkata, ia mula diperkenalkan empat tahun lepas dan sehingga kini banyak perubahan positif dicapai.

Mengenai kualiti Perkhidmatan Awam beliau berkata, secara umumnya ia mencatatkan peningkatan sehingga ada badan-badan antarabangsa yang mencadangkan JPA dicontohi oleh beberapa buah negara.

"Ini ialah bukti ejayaan kita," katanya. -- Bernama.

JO KAM.

▼02/06/14-30MST